

# Ulang Tahun UMNO Ke-60

ISTANA BESAR JOHOR BAHRU - 11 MEI 2006

UM - 10/5/2006

## 31 Ogos 1957 Negara bebas merdeka

Oleh ROHANI IBRAHIM

Pada detik 12 malam 31 Ogos 1957, perjuangan menuntut kemerdekaan akhirnya membuahkan hasil serta impian akhirnya menjadi kenyataan bagi penduduk Tanah Melayu.

Bertempat di Padang Kelab Selangor (sekarang Dataran Merdeka), bendera Union Jack diturunkan buat kali terakhir di bumi Tanah Melayu dan bendera Tanah Melayu dinaikkan dengan penuh rasa syukur dan bangga.

Bendera Union Jack diturunkan oleh Tahir Abdul Majid.

Paginya, pada pukul 9.30, kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu telah diisytiharkan dengan rasminya oleh Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur dengan disaksikan beribu-ribu warganegara, Raja-Raja Melayu, Duke of Gloucester (mewakili Ratu Elizabeth) serta

wakil-wakil kerajaan British. Pengisytiharan tersebut dibuat di hadapan 30,000 rakyat Persekutuan Tanah Melayu, raja-raja Melayu dan perwakilan 30 negara luar.

Tunku telah melancarkan 'Merdeka' sebanyak tujuh kali, dan diikuti oleh rakyat yang hadir. Seterusnya Bendera Persekutuan

Tanah Melayu dinaikkan dengan diringi oleh lagu kebangsaan 'Negaraku'. Tunku Abdul Rahman telah mengetuai orang ramai bersorak 'Merdeka' gambar hitam-putih Tunku yang menjulang tangannya dan suara belliau yang penuh emosi tetapi langung dan tegas dalam mengetuai sorakan merdeka itu kini merupa-

kan gambar kenangan Kemerdekaan yang paling bermakna sehingga kini, dan menjadi peringatan paling nostalgik, sinonim kepada saat bersejarah itu.

la merupakan satu detik yang sangat penting dalam sejarah tanah air di mana peristiwa itu menjadi penanda berakhirnya penjajahan.

### Esok, semua dijemput ke Istana Besar, Johor Bahru, Johor untuk sama-sama menyambut ulang tahun ke-60 penubuhan UMNO

ACARA SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN UMNO KE-60 DI JOHOR BAHRU

9 MEI 2006 (SELASA)

3 petang - Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Johor, Datuk Ghani Othman merasmikan Pameran Perjuangan Datuk Onn Jaafar di Plaza Angsana, Johor Bahru, Johor. (Pameran berlangsung sehingga 14 Mei mulai jam 9 pagi hingga 10 malam)

10 MEI 2006 (RABU)

9 pagi - Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad rasmi Pameran Retentam Perjuangan Bangsa di Dewan Jubli Intan, Johor Bahru, Johor. (Pameran berlangsung sehingga 14 Mei mulai 9 pagi hingga 10 malam)

6.15 petang - Bacaan Yasin, tahlil dan doa kesyukuran sempena Ulang Tahun UMNO Ke-60 di Masjid Sultán Abu Bakar, Johor Bahru, Johor.

11 MEI (KHAMIS)

9 pagi - Perhimpunan sempena Sambutan Ulang Tahun UMNO Ke-60 di perkarangan Istana Besar, Johor Bahru, Johor.

3 petang - Pentamisan Teater '60 Tahun Perjuangan UMNO' di Stadium Tertutup Majlis Bandaraya Johor Bahru, Johor.



TUNKU Abdul Rahman (mengangkat tangan) dengan penuh semangat melancarkan 'Merdeka' sebanyak tujuh kali di hadapan ribuan rakyat dan pemimpin Persekutuan Tanah Melayu di Padang Kelab Selangor pada hari bersejarah 31 Ogos 1957.

## Persekutuan Tanah Melayu hadapi cabaran sebelum merdeka

KIRA-KIRA lima bulan selepas penubuhan Persekutuan Tanah Melayu ia berhadapan dengan caran Parti Komunis Malaya yang melancarkan gerakan bawah tanah.

Gerakan itu bertujuan hendak menggulingkan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan mendirikan sebuah Kerajaan Republik Komunis dengan pemberontakan bersenjata.

Peristiwa pembunuhan pegawai berbangsa Eropah di Sungai Siput, Perak dan beberapa orang Cina di negeri Johor menyebabkan bekas Gabenor Malayan Union yang kini menjadi Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu, Sir Edward Gent mengisytiharkan Undang-Undang Darurat di kawasan Ipoh, Sungai Siput dan barat Johor.

Pada 12 Julai 1948, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mengisytiharkan Undang-Undang Darurat bagi seluruh Persekutuan Tanah Melayu dan Parti Komunis Malaya diharamkan di Persekutuan Tanah Melayu.

Setelah Undang-Undang Darurat diisytiharkan, pasukan bersenjata komunis disebut 'Tentera Rakyat Malaya Anti British'.

Semasa keadaan darurat, UMNO meminta ahlinya bekerjasama dengan kerajaan untuk mengatasi masalah pengansan daripada berleluasa.

Berpuh-ribu orang Melayu memasuki pasukan tentera, polis, polis khas, polis istimewa dan kawalan kampung.

UMNO turut berkhidmat untuk menubuhkan semula pasukan Volunter (sukarela) dan pasukan kawalan kampung ditambahkan anggota dan senjata.

Keadaan darurat sedikit sebanyak melumpuhkan kegiatan-kegiatan politik kerana para pemimpin perlu berhati-hati.

Pada akhir Disember 1948, Yang Dipertua UMNO, Datuk Onn Jaafar menjemput seramai 21 orang ketua pelbagai kaum supaya berkumpul di rumahannya dan merundingkan jalan-jalan hendak mengatasi masalah ketegangan yang sedang berlaku.

Selepas itu, satu rundingan politik antara semua kaum diadakan pada Januari 1949 dengan tujuan mencari penyelesaian politik di Tanah Melayu.

Pertemuan berkenaan dibuat di Pulau Pinang, kemudiannya di Johor Bahru dan Kuala Lumpur. Siri pertemuan tersebut mendorong kepada wujudnya satu jawatankuasa yang dipanggil Jawatankuasa Pertubuhan Kaum (CLC) atau Communities Liaison Committee.

la dipengerusikan oleh seorang peguam dan pemilik ladang getah yang juga merupakan Presiden Persatuan Ceylonese Malaya, E.C. Thuraisingam.

Pada 27 Februari 1949, Tan Cheng Lock yang selama ini berusaha untuk menyanjutkan orang Cina dalam sebuah pertubuhan menubuhkan Persatuan Cina Malaya atau Malayan Chinese Association (MCA) dan beliau sendiri menjadi Yang Dipertuanya.

Pada Jun 1951, Onn mencadangkan keahlian UMNO dibuka kepada orang buca Melayu dan nama UMNO menjadi United Malayan National Organisation (UMNO).

Onn membuat cadangan itu kerana beliau percaya dengan membuka keahlian UMNO kepada orang Melayu MCA akan ditandingi dan orang Melayu dapat menerima satu pendekatan baru dalam

politik Tanah Melayu iaitu politik yang bersifat Malayan.

Namun cadangan itu ditolak oleh orang Melayu kerana sentimen bencikan orang dagang yang begitu menebal di hati mereka.

Keadaan itu menyebabkan Onn meninggalkan UMNO dan Tunku Abdul Rahman mengambil alih. Tiga minggu selepas meninggalkan UMNO, Onn yang masih berpegang kepada idea untuk menubuhkan parti berbilang bangsa menubuhkan Independence Malaya Party (IMP).

### Penubuhan IMP

IMP dilancarkan pada 16 September 1951 di Hotel Majestic, Kuala Lumpur dengan tujuan mengatasi masalah perkauman yang melanda politik Tanah Melayu pada waktu itu.

Onn turut mendapat sokongan daripada pemimpin MCA, Tan Cheng Lock, KL Devase dari Malayan Indian Congress (MIC) dan EEC Thuraisingam serta beberapa persatuan kecil yang lain.

Pilihan raya Bandaran 1951 yang diadakan buat pertama kali di Pulau Pinang merupakan tindakan awal British dalam memberikan kerajaan sendiri kepada Tanah Melayu secara beransur-ansur.

la merupakan pengalaman politik kepada penduduk Tanah Melayu sebelum pilihan raya persekutuan diadakan bagi memilih kerajaan sendiri.

Di Kuala Lumpur, pilihan raya bandaran yang diadakan pada Februari 1952 bukan sahaja memberikan pengalaman pilihan raya kepada penduduknya tetapi menjalinkan hubungan politik antara dua parti.

Pilihan raya berkenaan telah menyaksikan kerjasama antara UMNO-MCA yang menjadi asas kepada formula 'kerjasama antara parti bagi menyelesaikan masalah politik perkauman di Tanah Melayu'.

Kerjasama berkenaan berlaku antara Datuk Razak Yahya dari UMNO dan H.S. Lee yang merupakan rakan kongsi dalam perusahaan bijih timah di Selangor.

Kejayaan gabungan ini untuk mendapat sembilan daripada 12 kerusi yang dipertandingkan telah memulakan satu pendekatan baru dalam politik Tanah Melayu.

Sementara itu, kegagalan IMP dalam pilihan raya bandaran Kuala Lumpur menjadi satu ujian getir kepada idea kerjasama politik Onn dalam IMP.

Memandang kerjasama Onn gagal dilaksanakan British cuba mewujudkan satu parti gabungan pelbagai bangsa di Tanah Melayu.

Parti berkenaan dapat memastikan kepentingan kaum secara bersama dapat dirundingkan pada peringkat gabungan.

Pada tahun 1953 National Conference telah ditubuhkan oleh British sebagai alternatif baru kepada politik Tanah Melayu.

Gabenor Asia Tenggara, Malcolm Mac Donald menjemput semua parti politik kecil dan besar ke King's House Kuala Lumpur.

Parti-parti politik yang hadir termasuklah UMNO, MCA, MIC, IMP dan MTUC. Tunku Abdul Rahman bagaimanapun meninggalkan majlis itu kerana enggan bekerjasama.

Persidangan itu membuat keputusan untuk menubuhkan politik gabungan yang dinamakan

### National Conference

Pada 21 Ogos 1953, Tunku Abdul Rahman mengadakan National Convention yang disokong oleh MCA dan Pas (Parti Islam SeMalaya), Persatuan Melayu Semenanjung dan beberapa persatuan kecil yang lain.

National Convention dilihat lebih mendapat pengaruh daripada National Conference kerana ia bebas daripada sebarang pengaruh dan campurtangan British.

British kemudiannya menerima cadangan National Convention dan National Conference untuk mengadakan pilihan raya persekutuan sebagai asas bagi sebuah kerajaan.

Dalam pada itu, kerjasama UMNO-MCA telah membuka mata MIC yang selama ini menyokong IMP.

MIC sebagai parti bagi kumpulan masyarakat Tanah Melayu yang ketiga terbesar berpendapat mereka patut bergabung dengan MCA-UMNO bagi menentukan tempatnya dalam Tanah Melayu.

Gabungan MIC, UMNO dan MCA pada akhir tahun 1954 mewujudkan Parti Perikatan yang menggunakan konsep gabungan parti-parti perkauman dengan masing-masing mengekalkan identiti tersendiri.

Gabungan itu mengamalkan dasar kompromi yang tertentu dalam tuntutan masing-masing. Dasar berkenaan selaras dengan kehendak British yang mahu melihat kerjasama semua kaum dalam politik sebelum kerjaan sendiri dan dan kemerdekaan diberikan kepada Tanah Melayu.

Sementara dari segi strategi politik pula, penduduk Tanah Melayu lebih mudah membuat tuntutan daripada pihak British.

Untuk menghadapi pilihan raya yang bakal datang Perikatan menghadapi masalah pembahagian kerusi.

UMNO telah menetapkan peruntukan 40 kerusi bagi parti tersebut kerana jumlah pengundi Melayu adalah yang paling besar.

Perkara itu bagaimanapun mendapat bantahan MCA dan MIC yang melihat peluang mereka akan terjejas dalam pilihan raya.

Mesyuarat Majlis Kebangsaan Perikatan kemudiannya memutuskan UMNO mendapat 35 kerusi, MCA (15 kerusi) dan MIC (dua).

Biarpun ahli-ahli UMNO tidak beryuas hati dengan keputusan itu, Tunku Abdul Rahman menjelaskan bahawa apa yang penting ialah memenangi pilihan raya.

Komitmen serta taat setia ahli kepada parti UMNO membolehkan mereka menerima keputusan itu dengan terbuka kemudiannya.

Selepas itu, Manifesto Perikatan yang mengambil masa enam bulan untuk disiapkan diumumkan pada 27 Julai 1955.

Manifesto berkenaan melibatkan isi kerakyatan, bahasa, kebangsaan, kedudukan istimewa Melayu dan agama Islam yang tidak dapat dipersetujui sebutlah suara oleh anggota Perikatan.

Memorandum Perikatan 1955 pula memuatkan dasar-dasar bekerja dan berusaha membentuk sebuah kerajaan sendiri, mencapai kemerdekaan, menjalankan dasar demokrasi, menegakkan kedudukan raja berperlembagaan, mengamalkan kebebasan bersuara, berpersatuan dan meningkatkan kemudahan-kemudahan sosial, ekonomi dan kebajikan penduduk.

## Memorandum Kemerdekaan

Pada Ogos 1955, Tunku Abdul Rahman sebagai pemimpin Perikatan mengemukakan hasrat untuk mendapatkan kemerdekaan kepada Pejabat Tanah Jajahan British dalam satu memorandum.

Pada bulan November 1955, raja-raja Melayu dan Perikatan telah berunding untuk mencari pendirian bersama dalam soal perlembagaan merdeka.

Dengan persetujuan asas di antara raja-raja Melayu dan Perikatan satu rundingan dijalankan antara perwakilan Tanah Melayu (Raja-raja Melayu dan Perikatan), Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan, Pesuruhjaya Tinggi dan Menteri Negeri United Kingdom dari bulan Januari sehingga Februari 1956, di London.

Pada 8 Februari 1956 satu perjanjian dibuat antara British, Perikatan dan wakil raja-raja Melayu untuk mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu.

Kawat turut dikirimkan ke Tanah Melayu untuk menyambut kepulangan rombongan dari London.

### Persetujuan British

Mereka disambut dengan perarakan bermotoksal pemuda-pemuda UMNO dan sorakan daripada 100,000 orang.

Tunku Abdul Rahman kemudiannya mengisytiharkan persetujuan British di Melaka pada 20 Februari 1956 dan ia disambut oleh jiran Merdeka oleh para hadirin.

British kemudiannya membentuk Suruhanjaya Reid bagi memenuhi cadangan Perikatan dan melantik Lord Reid sebagai Pengerusi dan Ivor Jennings sebagai wakil. Australia diwakili Sir William McKell, B.Malik mewakili India dan Pakistan diwakili Hakim Abdul Hamid.

Suruhanjaya tersebut menggunakan keseluruhan cadangan Perikatan yang dianggapnya pandangan terbaik yang dipersetujui oleh semua kaum.


Perjanjian Kemerdekaan Tanah Melayu kemudiannya ditandatangani oleh raja-raja Melayu dan British pada 5 Ogos 1957 di King's House Kuala Lumpur.

Dengan perjanjian itu, Persekutuan Tanah Melayu diiktiraf sebagai sebuah negeri yang merdeka dan berdaulat dan diperintah oleh rakyatnya sendiri.

Perjanjian itu mengekalkan kedudukan raja-raja Melayu sebagai raja berperlembagaan, kuasa persekutuan dan negeri dalam hal-hal tertentu.

Kedudukan Pesuruhjaya Tinggi British pula digantikan dengan Yang Di-Pertuan Agong sebagai ketua negara yang menentukan hal-hal pertahankan darurat, pendidikan kebangsaan dan kedudukan istimewa Melayu.

# Lahirnya Sebuah Negara Bangsa




DOKUMEN pengisytiharan tarikh kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957.



TUNKU Abdul Rahman (tiga dari kanan) diarak sekitar Bandar Hilir Melaka pada hari pengumuman pengisytiharan dibuat.



YANG di-Pertuan Agong Pertama (tengah) bergambar bersama-sama Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman, Putra (kiri) dan Gabenor British, Sir Mac Gillivray.




DR. Ismail menandatangani dokumen merdeka sempena sambutan pengumuman merdeka di Padang Bandar Hilir Melaka.



MENTERI Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman (kanan), Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar (tengah), Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin (kiri) dan beberapa pemimpin kanan UMNO yang dijemua hadir pada sambutan ulang tahun ke-60 penubuhan parti itu di Istana Besar, Johor Bahru esok.



TUNKU Abdul Rahman mengangkat tangan sambil melancarkan 'Merdeka' selepas pengumuman tarikh kemerdekaan di hadapan ribuan warga negara Tanah Melayu di Bandar Hilir, Melaka.



BENDERA UMNO dikibarkan oleh orang ramai yang hadir pada majlis pengumuman pengisytiharan kemerdekaan di Bandar Hilir, Melaka.